



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 18 DISEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **1,214 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah sebanyak **75,244 kes** (82.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 18 Disember 2020, negara kita telah merekodkan kes harian baharu sebanyak **1,683 kes**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **90,816 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 15,140 kes**. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat lapan (8) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah sebanyak 1,675 kes.

Negeri Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **692 kes (41.1 peratus)**. Ini diikuti oleh Sabah yang melaporkan

sebanyak **260 kes (15.4 peratus)** dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **197 kes (11.7 peratus)**.

Sebanyak **313 kes (18.6 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan depot tahanan imigresen yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (235 kes), Kluster Tembok (55 kes), Kluster Tembok Gajah (12 kes), Kluster Bakti (8 kes), Kluster Penjara Kepayan (2 kes) dan Kluster Penjara Seberang Perai (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **106 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **51 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Ingin dimaklumkan, tiada pertambahan kes kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **432 kes (0.48 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 18 Disember 2020, terdapat sebanyak **435 kluster** telah dilaporkan termasuk enam (6) kluster baharu pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **238 kluster** termasuk **dua (2) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Parit Kassin di Johor dan

Kluster Kube di Kelantan. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **197 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **60 kluster** melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Penjara Jalan Harapan (235 kes), Kluster Tapak Bina Muda (74 kes), dan Kluster Tembok (55 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat enam (6) kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER TAPAK BINA LEBUH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Sepang di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 15 Disember 2020 melalui saringan tempat kerja di sebuah tapak binaan. Sehingga 18 Disember 2020, sejumlah 285 individu telah disaring, di mana 20 kes telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER SUGUD

Kluster ini melibatkan daerah Penampang dan Papar di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-60068) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 26 November 2020 melalui saringan individu bergejala. Sehingga 18 Disember 2020, sejumlah 163 individu telah disaring, di mana 26 kes telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER TAPAK BINA JALAN TENGAH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Lembah Pantai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 3 Disember 2020 melalui saringan tempat kerja di sebuah tapak binaan. Sehingga 18 Disember 2020, sejumlah 245 individu telah disaring, di mana 11 kes telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER PERSIARAN HEIGHTS

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-84673 telah dilaporkan positif COVID-19 pada 14 Disember 2020 melalui saringan individu bergejala. Sehingga 18 Disember 2020, sejumlah 60 individu telah disaring, di mana 21 kes telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER TEMBOK GAJAH

Kluster ini melibatkan daerah Kluang di negeri Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-87833) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 16 Disember 2020 melalui saringan individu bergejala. Sehingga 18 Disember 2020, sejumlah 52 individu telah disaring, di mana 13 kes telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER UTAMA RINI

Kluster ini melibatkan daerah Johor Bahru, Kulai dan Pontian di negeri Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-80177) telah dilaporkan

positif COVID-19 pada 11 Disember 2020 melalui saringan individu bergejala. Sehingga 18 Disember 2020, sejumlah 100 individu telah disaring, di mana 22 kes telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

JANGKITAN COVID-19 DALAM KALANGAN PETUGAS KESIHATAN

1. Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 dalam Kalangan Petugas Kesihatan dan Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa sehingga 18 Disember 2020, secara kumulatif terdapat 1,771 kes jangkitan COVID-19 dalam kalangan petugas kesihatan. Sebanyak 1,359 (76.7 peratus) kes-kes tersebut berlaku semasa gelombang ketiga pandemik COVID-19, termasuk 43 kes baharu yang dilaporkan pada hari ini.

Berikut adalah **lima (5)** kumpulan petugas kesihatan yang melaporkan kes jangkitan COVID-19 tertinggi sejak bermulanya pandemik COVID-19 di negara kita:

Bil	Jawatan	Kes
1	Jururawat	690 kes
2	Pegawai Perubatan	211 kes
3	Pembantu Perawatan Kesihatan	146 kes
4	Pembantu Pegawai Perubatan	144 kes

5	Pegawai Perubatan Siswazah	84 kes
---	----------------------------	--------

Berdasarkan siasatan yang telah dilakukan:

- 587 (33.1%) petugas mendapat jangkitan dari komuniti;
- 565 (31.9%) berlaku di antara petugas-petugas kesihatan;
- 152 (8.6%) jangkitan berkaitan dengan pesakit-pesakit yang masih belum disahkan mendapat jangkitan COVID-19;
- 58 (3.3%) tidak diketahui punca, dan
- 409 (23.1%) lagi punca jangkitan masih dalam siasatan.

Pada 18 Disember 2020, seramai 280 petugas sedang menerima rawatan di hospital dan berada dalam keadaan stabil dengan kadar sembuh sebanyak 84.2%. Manakala seramai 1,697 petugas kesihatan di seluruh negara sedang menjalani Perintah Pemerhatian dan Pengawasan (*Home Surveillance Order* – HSO) sama ada di tempat kediaman atau di stesen kuarantin.

Hospital-hospital di Lembah Klang yang melaporkan kes jangkitan COVID-19 tertinggi adalah daripada Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang (54 kes), Hospital Serdang (29 kes), Hospital Sungai Buloh (15 kes), Hospital Kuala Lumpur (10 kes), Hospital Ampang (5 kes) dan Hospital Selayang (4 kes). Peningkatan kes yang mendadak dalam kalangan petugas kesihatan di negeri-negeri Lembah Klang adalah dipercayai berkait rapat dengan peningkatan kes dalam kalangan komuniti. Situasi seumpama ini, iaitu peningkatan kes COVID-19 dalam kalangan petugas kesihatan pernah dialami oleh negeri Sabah ketika peningkatan penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan komuniti berlaku di sana. Walau bagaimanapun, kes-kes di kesemua hospital yang

terlibat masih dalam keadaan terkawal dan perkhidmatan kesihatan masih lagi diteruskan.

2. Situasi Semasa Jangkitan COVID-19 di HTAR, Klang dan Hospital Serdang.

Susulan kepada kenyataan akhbar Jabatan Kesihatan Negeri Selangor pada 17 Disember 2020 berkenaan jangkitan COVID-19 di HTAR, KKM ingin memaklumkan bahawa kesemua petugas-petugas dan pesakit tersebut sedang dirawat di wad dan berada dalam keadaan stabil. Pihak HTAR dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Klang sedang giat bekerjasama dalam menyasat punca jangkitan dan mengenalpasti kontak rapat kepada kes serta melakukan aktiviti-aktiviti saringan. Sehingga hari ini, terdapat seramai 72 petugas HTAR sedang menjalani perintah HSO. Operasi pembersihan dan disinfeksi persekitaran telah dilakukan di HTAR dan akan diteruskan secara berkala. Situasi semasa di HTAR ini adalah dalam keadaan yang terkawal dan perkhidmatan di hospital ini masih diteruskan seperti biasa.

Selain itu, KKM juga ingin mengesahkan terdapat jangkitan COVID-19 dalam kalangan pesakit dan petugas kesihatan di Hospital Serdang. Buat masa ini ianya melibatkan 29 orang petugas perubatan dan 28 pesakit di mana kesemua mereka telah dihantar ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan selanjutnya. Siasatan oleh pasukan JKNS dan Hospital Serdang telah dapat mengenalpasti punca jangkitan dan tindakan kawalan telah dilaksanakan serta merta bagi membendung penularan jangkitan ini. Pengurusan rawatan pesakit di Hospital Serdang masih diteruskan dan berada dalam keadaan terkawal.

3. Nasihat Kepada Petugas Kesihatan dan Orang Awam

KKM ingin menegaskan kepada semua petugas kesihatan sektor Kerajaan mahu pun swasta agar sentiasa patuh kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan. Pematuhan kepada SOP ini perlulah sentiasa diamalkan sama ada di tempat kerja dan juga di tempat-tempat lain. Kepatuhan ini adalah sangat penting diamalkan khususnya bagi para petugas kesihatan yang berkhidmat di zon-zon merah, di mana kebarangkalian untuk mendapat jangkitan daripada komuniti adalah tinggi. Pemantauan amalan norma baharu secara berkala serta penguatkuasaan di setiap fasiliti kesihatan akan meningkatkan lagi kepatuhan di kalangan petugas kesihatan.

Selain itu, orang awam juga dinasihatkan untuk menghadkan lawatan ke hospital-hospital. Ini bukan sahaja dapat memberi ruang kepada petugas kesihatan untuk menjalankan tugas mereka, malah dapat melindungi golongan berisiko tinggi seperti warga emas, kanak-kanak dan para pesakit kronik lain daripada jangkitan COVID-19.

KKM sangat prihatin terhadap peningkatan kes COVID-19 dalam kalangan petugas kesihatan ini dan akan sentiasa memantau perkembangan jangkitan kes COVID-19 dalam kalangan petugas kesihatan dari semasa ke semasa. KKM juga ingin menasihatkan orang ramai tidak perlu bimbang untuk mendapatkan rawatan dan perkhidmatan kesihatan di fasiliti-fasiliti kesihatan kerana situasi ini adalah dalam keadaan yang terkawal. Teruskan amalan norma baharu bagi melindungi diri, keluarga dan komuniti daripada jangkitan COVID-19.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

18 Disember 2020 @ 6.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 18 DISEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	260 (1)	34,083
SELANGOR	692 (2)	23,623
W.P. KUALA LUMPUR	197 (3)	9,623
NEGERI SEMBILAN	174	6,858
JOHOR	77 (2)	2,912
PULAU PINANG	37	2,900
KEDAH	4	2,869
PERAK	65	2,775
W.P. LABUAN	19	1,495
SARAWAK	1	1,085
PAHANG	6	861
MELAKA	140	691
KELANTAN	1	483
TERENGGANU	4	285
W.P. PUTRAJAYA	6	228
PERLIS	0	45
JUMLAH KESELURUHAN	1,683 (8)	90,816

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 1,683 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 18 Disember 2020 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 692 kes**
 - 175 kes daripada kluster-kluster, termasuk tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Lebu**;
 - 169 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Dua (2) kes import dari luar negara; dan
 - 346 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 260 kes**
 - 47 kes daripada kluster-kluster, termasuk lima (5) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Sugud**;
 - 132 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - 80 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 197 kes**
 - 129 kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Jalan Tengah**;
 - 43 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Tiga (3) kes import dari luar negara; dan
 - 22 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 174 kes**
 - 160 kes daripada kluster-kluster, termasuk 20 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Persiaran Heights**;

- Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 11 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka: 140 kes**
 - 139 kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Johor: 77 kes**
 - 34 kes daripada kluster-kluster, termasuk 16 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tembok Gajah** dan **Kluster Utama Rini**;
 - 22 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Dua (2) kes import dari luar negara; dan
 - 19 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 65 kes**
 - 59 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 37 kes**
 - 10 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 19 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: 19 kes**
 - 11 kes daripada kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: Enam (6) kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Enam (6) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Kedah: Empat (4) kes**
 - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Terengganu: Empat (4) kes**
 - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.